

Darihal Kespontanan Intelektual

oleh

Azhar Ibrahim Alwee
Institut Pendidikan Nasional
azhar.ibrahim@nie.edu.sg

Apabila disebut seseorang itu amat *spontan* pada watak dan sikapnya, ianya bererti orang itu amat disenangi dan dikagumi oleh orang-orang di sekelilingnya. Seorang yang spontan itu memiliki watak dan perilaku yang anjal, amat adaptif serta daya respons yang amat tinggi terhadap apa jua yang berlaku atau berubah di sekelilingnya. Begitulah juga keperibadian seorang individu itu apabila ia dikatakan memiliki **kespontanan intelektual**. Perlu ditegaskan bahawa kita tidak membicarakan di sini sosok sang intelektual yang spontan, melainkan menyifatkan kecenderungan kespontanan intelektual yang bisa hadir dalam diri seorang intelektual, agamawan, inteligensia seperti guru, wartawan, penulis ataupun orang-orang awam umumnya.

Kehadiran kespontanan intelektual dapat menyihatkan suasana kehidupan intelektual dalam sesebuah masyarakat itu. Kalau lebih ramai ahli masyarakat itu mempunyai kespontanan intelektual ianya membuahkkan banyak kebaikan kerana isu-isu, konsep dan pemikiran kritis dan kreatif disosialisasikan ke dalam ruang publik. Sebelum kita memerikan asas-asas yang perlu ada pada kespontanan intelektual, sebaiknya kita jelaskan sedikit tentang perkara-perkara yang tidak harus ada, ataupun yang boleh menghambat kespontanan intelektual.

Pertama, kecenderungan ini **tidak bersifat atau sukakan *bermajlis-majlis***. Malahan formalitas bermajlis-majlis dengan kecerewetan hierarki menyebabkan kebakuan berfikir dek kerana formalitas mengatasi substansi, masa yang terhabis mencermati bentuk dan persembahan berbanding dengan kesungguhan mengulit isi dan keutuhan bahan perbincangan. Apabila ada kesukaan bermajlis-majlis, kesedaran dan ketajaman intelektual semakin tumpul dan terbungkalai. Obsesi pada bentuk (*form*) dan persembahan menjadi penumpuan aktiviti betapapun isi yang dipersembahkan itu tidak ampuh dan bermutu.

Kedua, kepedulian intelektual itu **tidak berjubah akademis** kerana dewasa ini pelarian menjadi akademis neutral seolah menghalalkan supaya ‘tidak berpihak’ atas nama berobjektif dan bersaintifik. Kenisbian (relativisme) seperti ini adalah sebenarnya persekongkolan dengan idea dan praktis dominan. Apabila pemikiran berakademis mewarnai kegiatan intelektual, dengan segala keupacaraan menerbitkan makalah dalam jurnal-jurnal berprestig di luar negara (khasnya di kawasan Euro-Amerika), maka di situlah permulaan membelangkangi keperluan intelektual setempat kerana keasyikan untuk berbicara dengan pakar-pakar dari luar negara itu, tidak dapat tidak (walaupun tentu ada pengecualian) mengkesampingkan kepedulian untuk menggarap hal-hal dan cabaran yang berlangsung dalam masyarakat/lokasi setempat.

Ketiga, pemikiran yang memiliki sifat kespontanan intelektual ini, **dengan keterbiasaan menyanggah mana pula bentuk autoriti** yang mencengkam, memukau dan membelit, tidaklah ia bergengsi kependetaan dengan aturan dogma dan hukum hakamnya. Dengan tangkas ia mempersoal mana jua monopoli idea/praktis oleh sesuatu pihak, termasuk juga di kalangan kelompok dan dirinya sendiri. Kespontanan intelektual membutuhkan pemikiran yang tidak mudah terkhadam oleh autoriti yang mahu menekan secara *authoritarian*, melainkan ia memberi penghormatan kepada yang *authoritative* dari segi wibawa, ilmu dan ihsannya. Pemikiran spontan betapapun ia tangkas untuk menegur kecelaruan idea dan praktis dalam masyarakat, tetapi tidak pula ia mahu untuk berkelompok menjadi sidang pendeta yang hanya pandai menegur dan berbicara dalam keabstrakban, tapi jahil akan konteks.

Keempat, kespontanan intelektual bererti **tidak kaku** kerana dapat ia mengaju dan menyampaikan sesuatu gagasan progresif dan pembaharuan secara kreatif sehingga senang diterima ramai. Kaku bukan juga dalam segi bentuk sesuatu idea itu disampaikan tetapi juga jangkamasa sesuatu idea itu diberi respon. Kespontanan intelektual akan cepat untuk membuat respon apabila sesuatu idea atau praktis yang timbul di ruang publik dianggap bermasalah. Namun dalam keadaan yang tidak kaku ini, ataupun ada keanjalan untuk memberi respons intelektual, tidak pula pemikiran seperti ini lekas ghairah untuk *laku*. (laris) untuk dipromosi dan diiktiraf. Ertinya dalam ketangkasan untuk membuat respons

intelektual di medan publik, tidaklah sampai pula ia ghairah untuk mempromosi diri dan kelompoknya sehingga apa yang disampaikan atau yang dinyatakan itu tidaklah seberapa malahan yang biasa-biasa (*obvious*) pula. Sebaliknya pemikiran bersifat kespontanan intelektual selalu resah apabila banyak kegecotan yang timbul dalam masyarakatnya sehinggakan situasi menjadi rumit. Ini membuat mereka yang memiliki sifat kespontanan intelektual itu amat terkesan dengan perkara yang berlaku di sekeliling mereka dan terpanggillah mereka untuk melakukan sesuatu.

Kelima, sifat kespontanan intelektual ini dengan ada kepedulian sosial tentang lingkungannya, selalunya berfikiran konkrit dan realistik, **mengelakkan dari berbicara dan bernada bermuluk-muluk** sehingga apa yang disampaikan menjadi berawang-awangan, tidak membumi dengan segala ketaksaan. Sifat bermuluk-muluk inilah pelarian daripada menghadapi kenyataan. Contoh bermuluk-muluk ini ialah apabila sering saja hal keuniversalan dicanangkan sebagai sejati dan murni, tapi hal-hal yang partikular (setempat) diketepi malah tidak diingati. Inilah kemulukan yang mudah melunakkan banyak kepalsuan.

Setelah membicarakan lima segi yang membuatkan kespontanan intelektual itu sukar untuk terbangun dalam wacana intelektual setempat, sebaiknya pula kita membicarakan **faktor-faktor yang menggalakkan tumbuhnya kespontanan intelektual:**

(a) Ternyata sebelum kespontanan itu dapat wujud, pemikiran dan nilai yang dipegang oleh seseorang itu sudah terasas dengan **rasa keterpanggilan yang datang dari dalam dirinya** untuk menyedari dan dapat melakukan sesuatu tentang perkara-perkara yang sedang menghempiti masyarakatnya. Ertinya rasa untuk melakukan sesuatu itu bukanlah suatu paksaan, jauh lagi ianya adalah bertiru-tiruan tatkala melihat orang lain dapat melakukan sesuatu.

(b) Rasa keterpanggilan ini diperkukuhkan pula dengan adanya **rasa pertalian dengan khalayak (audien)**, sama ada rasa kebersamaan dengan nasib mereka yang sedang menghadapi masalah dan cabaran itu. Inilah yang disebut rasa empati. Yang terakhir inilah yang akan menentukan mutu atau tingkat kespontanan intelektual. Tetapi rasa pertalian ini bukanlah bersifat kekomplekkan atau eksklusif. Pertalian akan

rasa kebersamaan bukan ditaja oleh emosi atau rasa kesukuan. Pertalian itu timbul hasil dari **kepekaan akan apa yang terjadi dan apa yang diperlukan dalam lingkungan** seseorang itu. Kepekaan ini tentunya ditungjangi dengan rasa manusiawi yang membatasi warnakulit, darjat, suku, kelas, agama, jender dan kewarganegaraan. Kepekaan itu juga hasil daripada kesedaran sosial, mengetahui segala segi struktur dan dinamika sosial. Kesedaran sosial ini yang umumnya kepekaan intelektual ini diperkuatkan pula kesalehan sosial, yang datang dari sifat keberagaman yang manusiawi serta mendahului kemaslahatan manusia sebagai tunjang hidup beragama. Ertinya apabila dibuat suatu respons intelektual ianya datang bukan saja dari kepekaan intelektual, melainkan juga **kepekaan moral/kesalehan** yang dibentuk oleh nurani sosial.

(c) Segala bentuk kepekaan ini pula bukan kepekaan yang biasa-biasa saja. Ianya adalah kepekaan yang bersifat analitik, peka memantau masalah yang berkarat dan menggigit dalam masyarakat, tetapi **kepekaan ini adalah keprihatinan etika** yang tidak sanggup melihat apa jua masalah dan cabaran yang dihadapi individu dan masyarakat. Tentu kepekaan ini bukan bermusim tetapi sesuatu yang berpanjangan tiada henti. Tentu sekali kepekaan ini tidak mudah terasuk dengan **kepanikan moral** yang sekadar mahu mengutuk dan mengkeji ke atas mereka yang ‘tersasar’ moralnya, tanpa mahu mengetahui struktur dan sebab-musabab terjadinya pelanggaran moral.

(d) Kespontan intelektual itu juga amat sekali memerlukan kekreatifan dan kesenian, tatkala mengajukan sesuatu idea. Keanjalan untuk merespons sesuatu isu/cabaran itu memerlukan daya **kreativitas dan kesenian untuk menyampaikan idea dengan baik**, tanpa ada kompromi akan standardnya, serta penyampaian itu amat sekali disenangi di pihak khalayak/publik, tanpa mudah menyinggung rasa sensitif pihak yang lain ataupun mengulangi klise dan kesimpulan reduksionis.

(e) Kepedulian untuk bergerak dalam medan publik bererti **adanya rasa perkongsian** berkenaan dapatan dan kesimpulan intelektual serta ajuan moral kepada khalayak awam. Inilah segi kespontanan intelektual untuk lekas melebarkan jaringan idea agar ia cepat dibetuli, disanggah atau diterimapakai dalam masyarakat. Rasa

perkongsian ini dicuba dalam beberapa inisiatif seperti penerbitan, berseminar, bengkel, forum dan sebagainya.

(f) Kespontanan intelektual **memerlukan keberanian untuk mencuba, meneroka** bukan saja idea baru tetapi juga dalam memanfaatkan pendekatan dan metodologi tatkala melakukan penelitian sosial. Kesediaan penerokaan yang disebut Edward Said sebagai *adventurism* adalah salah ciri penting dalam kespontanan intelektual yang tidak terikat dengan suatu cetak atau mazhab intelektual terbelenggu oleh rasa khadam dan kepatuhan yang buta etika.

(g) Kespontanan intelektual yang bermutu itu, betapapun ia menyanggupi untuk serius memperkatakan hal yang bermasalah, tetapi ia tidaklah sampai kejong/kaku sehingga muram dan gelap. Tapi keseriusan itu diselang-seli dengan **nada santai, humor, senda dan seloroh**. Malah senda bercerita, sindir mengungkap, dan pesanan melengkap adalah ciri kespontanan ini, menghidangkan sesuatu perkara itu dengan tenang tanpa tegang, tapi tegas menyanggah yang dangkal.

(h) Wujudnya **kebebasan berfikir** tentunya sifat terpenting dalam kespontanan intelektual. Sesuatu upaya dan stamina intelektual hanya akan substantif atau ampuh apabila ia lahir dari pemikiran yang bebas, tidak ditakuk dan dibelenggu dengan idea atau gagasan yang cuba memendapkan kesungguhan berfikir. Hanya fikiran yang bebas, yang bukan saja tidak mudah meniru, tetapi juga berani untuk mencetuskan soal-soalan yang jarang mahu dipertentangkan, serta mengajukan pula analisis dan jalan keluar -- itulah yang akan menyuburkan kespontanan intelektual.

Ringkasnya, kespontanan intelektual itu boleh disemarakkan apabila perkara-perkara di atas ini diperkirakan dengan teliti. Kespontanan intelektual itu pada akhirnya, dan paling signifikan sekali, dapat ia **membedakan antara pewarisan dan penciptaan**, sedang yang terakhir ini saja yang dapat menggerak dayacipta sebagai pokok dalam kehidupan kebudayaan ini. Dan sebelum kita bersedia untuk mencanang keperluan adanya kespontanan intelektual ini, baiklah kita berhadapan langsung dengan kendala yang mengagalkan tumbuhnya kespontanan intelektual itu tadi. Ianya bukan datang melangit dengan mengejutkan semua.

Ianya datang apabila kita dapat menggalak dan merancang ke arah lingkungan dan manusia yang kritis lagi kreatif, tegas dan pantas, serta peka dan tidak leka.

[Disember 2006]